

Kastam rampas syabu RM1.9j dalam pek teh herba

Suspek sembunyi dadah 28kg gagal pedaya pihak berkuasa

BH/55/17/26/1/A/15--Jenayah

Oleh Petah Wazzan Iskandar dan Ilii Syazwani
bhnews@bh.com.my

Kangar

Taktik dua lelaki menyembunyikan 28 kilogram (kg) dadah jenis methamphetamine di dalam bungkusan teh herba tidak berhasil apabila helah mereka gagal memperdaya anggota Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

Kedua-dua suspek berusia 55 tahun termasuk seorang daripadanya warga Thailand, ditahan selepas dadah dianggar bernilai kira-kira RM1.9 juta itu ditemui dalam kereta jenis Mercedes Benz dinaiki mereka.

Ketika ditahan, kedua-dua suspek cuba melepasi pemeriksaan di Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) Padang Besar, dekat sini, kira-kira jam 2 petang kelmarin.

Pengarah Kastam negeri, Datuk Kamarudin Jaafar, berkata kedua-dua suspek mencetus rasa curiga apabila dilihat kerap berulang alik melepasi sempadan, sebelum pemeriksaan rapi dilakukan mengesan tindakan mereka yang cuba menyeludup dadah ke negara ini.

"Ketika diperiksa anggota kami menemui 28 bungkusan teh herba yang kemudian disahkan mengandungi dadah jenis methamphetamine. Kita percaya mereka cuba menyeludup dadah berkenaan yang diperolehi dari negara jiran," katanya ketika dihubungi.

Sementara itu, kedua-dua suspek dibawa ke Mahkamah

Majistret di sini, sebelum perintah tahanan reman selama tujuh hari bermula semalam dikeluarkan Pendaftar Mahkamah Monica Joseph Gaisah, untuk membolehkan siasatan lanjut dilakukan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.

Sementara itu di Bukit Kayu Hitam, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Kedah merampas pelbagai jenis mercun dan bunga api, membabitkan nilai lebih RM700,000 termasuk cukai selepas cuba diseludup masuk menggunakan lori kontena dari negara jiran, Ahad lalu.

Pengarah Kastam Kedah, Johari Alifiah, berkata lori kontena menggunakan nombor pendaftaran Thailand itu ditahan di Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di sini, selepas cuba melepasi pemeriksaan di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) di sini kira-kira jam 8.30 malam.

Rampasan mercun

"Hasil pemeriksaan kita menemui 39,333 kotak yang kemudian disahkan mengandungi pelbagai jenis mercun dan bunga api dengan anggaran berat keseluruhan 23,978.8 kilogram (kg).

"Kita percaya bekalan mercun dan bunga api terbabit dibawa masuk khusus untuk permintaan musim perayaan, berdasarkan stok dimiliki kita yakin ia mampu bertahan sehingga sambutan Krismas hujung tahun ini," katanya ketika sidang media di sini, semalam.

Johari berkata, selain merampas mercun dan bunga api bernilai RM440,726 dengan nilai cukai RM260,028.34, pihaknya turut menahan lelaki warga tempatan berusia 46 tahun bersama lori kontena yang dipandunya, selepas suspek disyaki diupah untuk membawa barang larangan untuk diedarkan di seluruh negara.